

[BIL. 81 MEI 2020](#)



Universiti  
Malaysia  
PAHANG

اونيورسيتي ملايسيا فاهج

CRE  
e-  
Univers

UIMPakistan UIMPakistan UIMPakistan UIMPakistan

5-Star World Class  
Technological University

STARS  
\*\*\*\*\*

---

## General

### "Terima Kasih Wiraku" - Operasi penghantaran pulang pelajar UMP dan IPT Zon Timur berjaya

17 May 2020

Kuantan, 14 Mei 2020 - Operasi penghantaran pulang pelajar diteruskan lagi dengan menghantar pulang pelajar dari Kuching, Sarawak melibat seramai 18 orang pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) lain.

Ini termasuklah seorang pelajar daripada Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) yang terkandas di Johor Bahru akibat Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini.

---

---

## Campus Life

### 50 sukarelawan pelajar timba pengalaman urus krisis

17 May 2020

Kuantan, 14 Mei 2020 - Pengorbanan seramai 50 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai sukarelawan di universiti bagi mengendalikan kebajikan, keselamatan pelajar dan urusan penghantaran pelajar pulang ke rumah tinggal di kampus ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pegerakan (PKP) pasti akan dikenali.

---

---

## General

### Pasor Online platform jual beli buah-buahan dan sayur segar da

17 May 2020

Kuantan, 15 Mei 2020 - Perubahan gaya hidup masyarakat yang semakin bergantung kepada penggunaan teknologi digital telah memecut perkembangan aktiviti membeli-belah secara atas talian.

Pandemik COVID-19 yang melanda negara ketika ini turut memberi satu anjakan terhadap pendigitalan masyarakat. Masyarakat kini lebih cenderung mendapatkan perkhidmatan barang basah seperti pembelian sayur-sayuran dan buah-buahan segar secara online.

---

## **Pembelajaran *Outdoor* Dalam Norma Baharu: Apakah**



Oleh: Dr. Siti Rabiattull Aisha Idris  
e-mel: [rabiattull@ump.edu.my](mailto:rabiattull@ump.edu.my)



Populariti aktiviti *outdoor* khususnya sukan-sukan ekstrem kian mendapat tempat dalam kalangan belia. Aktiviti ini berkaitan juga kian berkembang dan semakin mendapat tempat di Malaysia. Walau bagaimanapun, para

---

telah mengubah norma aktiviti *outdoor* ini sekali gus menimbulkan persoalan apakah pembelajaran sebelumnya atau sudah berubah ke arah pembelajaran di atas talian.

Jika dilihat dari sudut yang baharu, pembelajaran dalam talian (*online*) telah memacu industri akademik digunakan bagi menarik minat pelajar mahupun mahasiswa universiti untuk meneruskan pembelajaran talian yang semakin mendapat sambutan, sungguhpun pada suatu masa dahulu ia sering dilarang oleh pa merupakan antara norma baharu yang tidak diperkenalkan secara besar-besaran sebelumnya. Apakah diteruskan ataupun sebaliknya? Kita perlu lihat kesannya ke atas individu sekiranya pembelajaran *outdoor* dan mengetepikan aktiviti atau sukan *outdoor*.

Seperti mana yang diketahui, kursus kokurikulum di semua peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) adalah insaniah dalam kalangan mahasiswa. Antara kemahiran insaniah yang diterapkan termasuklah kemahiran kumpulan, kemahiran kepimpinan dan etika serta profesionalisme. Kursus yang dijalankan ini rata-rata sebagai medium pembelajaran. Sekiranya medium ini tidak dapat digunakan atau telah ditukar kepada pe yang diperoleh adalah tidak sama. Sebagai contoh, pemimpin yang memimpin rakyat atau pekerja dengan sahaja, bagaimana sifat empati dapat diterapkan dalam jiwa seorang pemimpin tersebut. Keluh-kesa menjalani kehidupan seharian tidak dapat difahami oleh pemimpin tersebut. Bantuan mungkin sampai k mungkin dilaksanakan, namun nilai-nilai kemanusiaan hampir tidak dapat digarap. Ini dikatakan kemerosot kemahiran insaniah melalui medium *outdoor* tidak diteruskan.

Secara dasarnya, pembelajaran dalam talian memfokuskan domain kognitif dan tumpuan utama adalah dalam peperiksaan dianggap cemerlang dan yang tidak berjaya adalah sebaliknya. Kesannya adalah kepada kognitif sahaja dan mengabaikan kemahiran insaniah tadi dan seterusnya melahirkan masyarakat masyarakat serta negara. Terdapat pelbagai lagi penyakit masyarakat yang akan timbul seperti yang di kemerosotan kecergasan fizikal, kemerosotan disiplin sendiri, kemerosotan kreativiti dan daya usaha kemerosotan pemikiran rasional dan kesabaran. Memikirkan penyakit ini, beliau memperkenalkan pem generasi yang bertanggungjawab dan peka terhadap diri sendiri, masyarakat dan alam sekitar dapat dilah dan terbukti bahawa pembelajaran secara *outdoor* atau juga dikenali sebagai pembelajaran berasaskan pe membangunkan potensi modal insan dan sekali gus meminimumkan gejala sosial masyarakat.

Menurut statistik yang telah dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) pada tahun 20 mengamalkan gaya hidup sihat dan membudayakan sukan *outdoor* dalam kehidupan mereka. Manakala kepada 50 peratus dan meningkat kepada melebihi 50 peratus pada tahun 2019. Peratusan ini selaras o menunjukkan minat menjalani aktiviti *outdoor* mahupun pembelajaran berasaskan *outdoor* boleh dipupuk o tersebut harus ditingkatkan dari semasa ke semasa agar impaknya dapat dirasai dan sekali gus ia m menjadi keutamaan adalah melahirkan masyarakat Malaysia yang cergas, aktif dan produktif dengan nila masa hadapan di samping dapat mengekalkan kesihatan fizikal malah membina kekuatan mental sepe semangat berpasukan.

Walau apa pun cabarannya, sebagai pendidik, kita seharusnya lebih kreatif dan inovatif dalam mendidik mahasiswa yang holistik, selaras dengan kehendak negara. Segala aspek perlu diambil kira agar pembangunan seseorang mahasiswa.

***Penulis adalah Pengarah, Pusat Kokurikulum Universiti Malaysia Pahang (UMP).***

---

**Kerana Dia**



Oleh: JUWAIIRIAH OSMAN

Kerana dia  
aku mengenal erti nafas  
aku memahami makna cinta  
cinta kepada Yang Esa

Kerana dia  
aku belajar daripada salah  
silap yang tidak sengaja  
mahupun dilaku kerana alpa  
dia sentiasa ada untuk menegur

Kerana dia  
aku faham apa itu ilmu  
mengenal huruf hingga kata yang panjang  
memahami makna wacana  
mentafsir selembat kata kehidupan  
ilmu untuk sentiasa berusaha  
ilmu berjuang ke akhir hela  
bukan mencapai cita dunia semata  
namun dia mengajar kejar jaya di sana

Kerana dia  
aku dibangkit selalu daripada tidur  
daripada alpa lena  
daripada leka hanyut dunia  
aku dipesankan tentang amanah  
yang kelak menentu bahagia atau sengsara

Kerana dia  
aku selalu ingat  
istiqamah dalam liku-liku  
ujian nikmat bersilih ganti  
meneruskan asa bukan putus asa

Kerana dia  
Kerana dia yang bernama GURU

***Penulis adalah Guru Bahasa Melayu, Pusat Bahasa Moden, Universiti Malaysia Pahang***

---

# Sidang Editorial

## PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff  
*nc@ump.edu.my*

## KETUA EDITOR

Ts. Dr. Muhamad Mat Noor  
*muhamad@ump.edu.my*

## EDITOR

Safriza Haji Baharuddin  
*safriza@ump.edu.my*

## WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit  
*mimirabitah@ump.edu.my*

Nur Hartini Mohd Hatta  
*nurhartini@ump.edu.my*

Nor Salwana Mohammad Idris  
*salwana@ump.edu.my*

## PENTADBIR WEB

Mohd Suhaimi Hassan  
*mohdsuhaimi@ump.edu.my*

## PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah  
*azmanm@ump.edu.my*

Noor Azhar Abd Rasid  
*noorazhar@ump.edu.my*

Mohd Zulkifly Hamzah  
*mohdzulkifly@ump.edu.my*

## JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil  
*khairul@ump.edu.my*

Muhammad Naufal Samsudin  
*naufal@ump.edu.my*

## PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz  
*lin@ump.edu.my*

Sidang Editorial berhak melakukan penyiaran selagi tidak mengubah isi atau menggambarkan atau mencerminkan yang disiarkan tidak boleh diterbitkan

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab dikirinkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirinkan dikembalikan. Sumbangan karya boleh penerbit di:

## EDITOR

Unit Penerbitan Korporat  
Pejabat Naib Canselor  
Canseleri Tun Abdul Razak  
Universiti Malaysia Pahang  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur  
Tel.: 09-424 5000  
Faks: 09-424 5055  
e-mel: *safriza@ump.edu.my*

**CREATE**  
e-newsletter



- 90 views

[View PDF](#)

Newsletter Image



اونيورسيتي ماليسيا افهغ

# CREATE

e-newsletter

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

5-Star World Class Technological University

